

MALAM HARAPAN PUTRA NEGARA (MAPURA) 2017

Malam Harapan Putra Negara (MAPURA) merupakan salah satu program wajib Kolej Tun Perak bagi meraikan pelajar tahun akhir di kolej Tun Perak sesi 2016/2017. Program ini antara lainnya bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pelajar tahun akhir yang telah banyak berjasa kepada Kolej Tun Perak dalam pelbagai bidang seperti sukan, kepimpinan, akademik dan sebagainya. Program ini merupakan anjuran Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tun Perak dengan kerjasama Pengurusan Kolej dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia.



Gambar : Pelajar Tahun Akhir menambil gambar kenangan bersama para tetamu jemputan



Gambar : Presiden MTM KTP 16/17 menerima Anugerah

Majlis makan malam ini telah diakan di iTech Tower, Shaftsbury Square, Cyberjaya. Majlis ini telah berlangsung pada tanggal 30 April 2017 dan dirasmikan dengan jayakan oleh Y.D.M. Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al Haj Ibni Almarhum Sultan Ala'uddin Suleiman Shah yang juga merupakan Orang Besar Daerah Sepang. Majlis ini juga telah dihadiri oleh jemaah pengetua, pengurus dan presiden dari setiap kolej kediaman di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Program ini juga telah disertai oleh pelajar Kolej Tun Perak seramai 200 orang pelajar termasuk 75 orang pelajar tahun akhir. MAPURA telah diterajui oleh saudara Mohd Nuaimullah sebagai pengarah program dan dipantau oleh 7 orang felo yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Seca Gandaseca.

Pelbagai anugerah telah diberikan pada majlis makan malam tersebut yang bertujuan untuk menyuntik semangat para pelajar Kolej Tun Perak yang lain khususnya pelajar tahun pertama supaya mereka lebih bersemangat untuk terus melibatkan diri dengan lebih aktif dalam aktiviti di peringkat kolej mahupun universiti.

Di samping itu, program ini bertujuan untuk melahirkan seorang mahasiswa yang bukan sahaja berjaya dalam bidang akademik malah mempunyai interpersonal yang positif. Hal ini demikian kerana proses pelaksanaan program telah banyak mengajar dan memberi pengalaman kepada ahli jawatankuasa pelaksanaan program MAPURA yang terdiri daripada 38 ahli Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tun Perak Sesi 2016/2017 dan 135 orang pelajar Kolej Tun Perak yang lain dalam menganjurkan program berimpak tinggi.